

## Laporan Interim MH370 diumum hari ini

---

PUTRAJAYA : Laporan interim ke empat siasatan kehilangan pesawat MH370 akan dikeluarkan petang ini bagi memaklumkan perkembangan terbaru misi pencarian pesawat berkenaan sepanjang setahun lalu.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai, berkata laporan itu akan diumumkan pasukan Penyiasat Keselamatan Annex 13, Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa ( ICAO) Malaysia bagi MH370, jam 3 petang menerusi siaran langsung di TV1 Radio Televisy Malaysia(RTM).

Katanya, laporan itu akan disampaikan Ketua Penyiasatan MH370, Datuk Kok Soo Chon yang akan turut dimuat naik ke laman web rasmi MH370([www.mh370.gov.my](http://www.mh370.gov.my)). " Dalam pada itu, keluarga dan waris terdekat mangsa MH370 akan dimaklumkan terlebih dahulu mengenai butiran kenyataan itu sebelum dimaklumkan kepada umum pada 3 petang," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Terus mencari jawapan

Laporan interim itu mewakili 19 wakil yang dilantik daripada tujuh pertubuhan siasatan kemalangan udara antarabangsa dari Australia, China, Perancis, Indonesia, Singapura, United Kingdom dan Amerika Syarikat.

Tiong Lai berkata, Malaysia tetap teguh dengan komitmen untuk terus mencari jawapan kepada kehilangan MH370 yang kini memasuki tahun keempat.

Katanya, tarikh 8 Mac 2014 akan sentiasa kekal dalam ingatan ahli keluarga dan waris penumpang dan kru pesawat MH370. " Kenangan penumpang dan kru MH370 sentiasa kekal dalam ingatan tidak kira bagi rakyat Malaysia atau masyarakat dunia," katanya.

Beliau berkata, Malaysia juga komited terhadap misi mencari pesawat berkenaan yang kini dikendalikan syarikat penerokaan dasar laut berpangkalan di Amerika Syarikat, Ocean Infinity Limited, sejak 10 Januari lalu. Katanya, misi berkenaan dilakukan dengan perjanjian berdasarkan terma No Cure, No Fee ( tiada penemuan ,tiada bayaran) dan tertakluk kepada pembahagian kawasan pencarian dimana bangkai, serpihan besar atau kotak hitam pesawat ditemui.

"Misi itu disertai 65 anak kapal termasuk dua pegawai Tentera Laut Diraja Malaysia(TLDM) mewakili Kerajaan Malaysia," katanya. Setakat ini, kapal berkenaan berjaya meliputi kawasan carian melebihi 16,000 kilometer persegi daripada keseluruhan 25,000 kilometer persegi yang disasarkan.

---

**SUMBER: BERITA HARIAN | M/S: 13 | 8 MAC 2018**